

# 150 pelajar UMT cipta rekod bina bendera pasir

ST 18/08/08 Pg T4

■ SYED MU'AZ SYED PUTRA

**KUALA TERENGGANU** - Seramai 150 pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyemarakkan lagi kemerdekaan negara dengan membina bendera pasir Jalur Gemilang terbesar, sekali gus mencipta rekod dalam Malaysian Book of Records.

Pengarah program, Mohd Hasbullah Mustapa berkata, objektif program itu bagi memberi ruang dan peluang kepada semua kelab di UMT bekerjasama serta bersatu tegara menjayakan sesuatu aktiviti.

"Selain mahu mencipta rekod tersendiri, program ini juga sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-51 tahun.

"Pada masa yang sama, kami berjaya merealisasikan amanah diberikan semua anggota kelab dan program juga sebagai platform memupuk semangat kemerdekaan, patriotisme serta cintakan negara dalam kalangan pelajar UMT.

"Sebelum ini, sambutan kemerdekaan pada setiap tahun lebih kurang serupa sahaja, justeru kami mahu membuat kelainan dengan membina bendera pasir Jalur Gemilang," katanya.

Menurut Mohd Hasbullah lagi, walaupun bendera pasir tidak bertahan lama tetapi hasil kerjasama yang diberikan semua pelajar terdiri daripada anggota Kelab Pelajar Kaunseling (Peka) dan Kelab Suara Anak Felda (Suafe) sudah membuktikan usaha dilakukan tidak sia-sia.



Pembinaan bendera pasir Jalur Gemilang di kawasan Pantai Tok Jembal berjaya disiapkan dalam tempoh satu jam sahaja.

"Pembinaan Jalur Gemilang sepanjang 30 meter dan selebar 10 meter berjaya disiapkan dalam tempoh satu jam sahaja di kawasan Pantai Tok Jembal di sini.

"Dengan kedudukan UMT berhampiran pantai, kami menggunakan kelebihan dan keunikan yang ada dengan memanfaatkan-

nya dengan menganjurkan program seumpama ini," katanya.

Program dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tepoh, Muhammad Ramli Nuh. Turut hadir, Naib Kaunselor UMT, Datuk Sulaiman Mohd Yasin.